

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-
- a) sejauh manakah strategi Kementerian dalam usaha mempelajari pemindahan teknologi moden pertanian negara China, Taiwan dan Thailand untuk pembangunan ekonomi pertanian negara; dan
 - b) apakah rancangan Kementerian dalam memastikan petani-petani tempatan mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi moden pertanian dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Antara usaha mempelajari teknologi moden daripada negara luar untuk pembangunan ekonomi pertanian Negara ialah melalui kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sebagai contoh, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan kerjasama dengan Republik Rakyat China melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi projek padi hibrid pada tahun 2007. Selain itu, Republik Rakyat China juga telah menawarkan kerjasama dalam usaha meningkatkan hasil padi. Antara perkara yang ditekankan adalah latihan penghasilan biji benih dan pengurusan padi kepada pegawai Malaysia di Republik Rakyat China, latihan di Malaysia oleh pakar padi Republik Rakyat China, dan kerjasama saintifik dan penyelidikan padi antara Republik Rakyat China dan Malaysia. Kementerian juga menerusi MARDI pernah menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan *Thailand Institute of Scientific and Technological*

Research menerusi program *ASEAN – India Technology Mission on functional food in Thailand* pada tahun 2012. Selain itu, MARDI kini sedang di dalam proses rundingan untuk mengadakan kerjasama dalam penyelidikan padi dengan syarikat BASF Thailand. Bagi kerjasama dengan Taiwan, sehingga kini Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan Kerajaan Taiwan dalam bidang kerjasama pertanian. Walau bagaimanapun, sebagai langkah pendedahan kepada pegawai sebagai sebahagian daripada perkongsian teknologi dan kepakaran, MARDI sebagai institusi penyelidikan pertanian di Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membangunkan kepakaran pegawai penyelidik di MARDI melalui program latihan, pembangunan modal insan dan kerjasama penyelidikan mengenai sayur-sayuran dan buah-buahan dengan institusi penyelidikan/ agensi berkaitan di Taiwan. Antara institusi penyelidikan/ agensi yang terlibat dalam program kerjasama tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *Asean Vegetable Research and Development Centre (AVRDC)* - kerjasama penyelidikan sayur-sayuran;
 - (ii) *National Taiwan University (NTU)* - kerjasama penyelidikan limau dan pisang; dan
 - (iii) *National Chung Hsing University Taiwan* - kerjasama penyelidikan betik;
 - (iv) *Taiwan Banana Research Institute (TBRI)* - kerjasama penyelidikan pisang; dan
 - (v) *Taiwan Agriculture Research Institute (TARI)*.
- (b) Bagi memastikan petani-petani tempatan mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi moden pertanian dari luar Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MARDI mengadakan kolaborasi R&D dan kerjasama program latihan dengan AVRDC dari Taiwan merangkumi:
- (i) pertukaran dan penilaian varieti elit sayur- sayuran melalui baikbaka konvensional;
 - (ii) kejuruteraan genetik tomato dengan pigmen yang tinggi untuk beta-carotene;